

'Kita tak minta bantuan majukan WPI'

BH - 25/5/2007

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi menolak tanggapan kononnya Malaysia terlalu lemah sehingga terpaksa meminta bantuan Singapura untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di selatan Johor.

Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak timbul kerana Malaysia sebuah negara berdaulat dan pelaksanaan projek berkenaan juga di wilayah negara ini.

"Ada orang berpendapat apa kita nak buat, kita kena rujuk dengan Singapura. Itu tak betul dan itu tak akan berlaku.

"Kita tidak mewujudkan jawatankuasa perunding (dengan Singapura)," katanya menjawab soalan wartawan Singapura yang mendakwa ada tanggapan sedemikian di kalangan rakyat Johor.

Abdullah menjelaskan, berlaku kesilapan atau

salah tafsir di pihak Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, yang menyebut kerajaan kedua-dua negara bersetuju menubuhkan jawatankuasa perunding bagi melaksanakan pembangunan WPI, ketika sidang media selepas pertemuan mereka di Langkawi pada 15 Mei lalu.

Kenyataan Lee itu disiarkan akhbar Singapura, tetapi akhbar Malaysia menyiarkan kenyataan Abdullah yang tidak menyentuh langsung mengenai penubuhan jawatankuasa perunding itu.

Abdullah pada sidang media itu berkata, kedua-dua kerajaan bersetuju menubuhkan jawatankuasa khas pada peringkat menteri bagi melancarkan pembangunan WPI dan menyelesaikan sebarang isu berbangkit membabitkan kedua-dua negara.

Terdahulu ketika menyampai-

FAKTA NOMBOR

Pembangunan WPI

2,217

Kilometer persegi

3

Kali saiz Singapura

1.4 juta

Penduduk

5

Kawasan PBT

kan ucap tama pada persidangan itu, Abdullah mengajak pelabur dan ahli korporat mereka melabur di WPI.

"Ia satu kawasan yang bakal pesat membangun di sebelah Singapura. Saya mengajak komuniti perdagangan Jepun melihat WPI dengan serius, bagaimana ia boleh menguntungkan anda.

"Ia bakal muncul seperti wilayah Shenzen di China yang berhampiran Hong Kong," katanya.

Ketika bertemu Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe di sini, Selasa lalu, Abdullah turut mengajak pelabur Jepun mengambil bahagian yang aktif di WPI.

Abe juga menyifatkan pembangunan WPI sebagai idea yang bijak dan yakin ia boleh berjaya serta berjanji akan memaklumkan kepada pelabur Jepun mengenai peluang yang boleh direbut di WPI.